



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

SAMBUTAN HARI HEPATITIS SEDUNIA 2022

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa Hari Hepatitis Sedunia disambut pada 28 Julai setiap tahun. Pada tahun ini, tema yang dipilih ialah “**Hepatitis Can’t Wait**” atau “**Hepatitis, Tidak Boleh Tunggu**”. Selari dengan tema ini, KKM akan terus komited untuk memantapkan dan memperkukuhkan aktiviti pencegahan, kawalan, diagnosis, rawatan dan penjagaan pesakit hepatitis. Bagi mencapai matlamat ini, mereka yang menghidap hepatitis **TIDAK BOLEH TUNGGU** untuk menjalankan saringan dan pengesanan awal, seterusnya diberikan rawatan dan penjagaan yang sewajarnya.

Hepatitis adalah penyakit keradangan hati yang lazimnya disebabkan oleh jangkitan virus (*viral hepatitis*). Terdapat lima virus penyebab kepada *viral hepatitis* iaitu virus Hepatitis A, B, C, D atau E. Virus Hepatitis A dan E biasanya berjangkit melalui pengambilan makanan atau air yang tercemar, dan tidak membawa kepada penyakit yang kronik. Manakala virus Hepatitis B, C dan D berjangkit melalui darah atau cecair badan, dan boleh membawa kepada penyakit kronik dan merupakan punca utama kepada sirosis atau parut hati (*liver cirrhosis*) dan kanser hati yang memudaratkan.

Hepatitis B dan C merupakan jangkitan paling utama dan telah mengakibatkan sebanyak 1.1 juta kematian dan 3 juta jangkitan baru setiap tahun di seluruh dunia. Di Malaysia, kadar notifikasi kes Hepatitis B pada tahun 2021 telah menurun kepada 11.6 orang bagi setiap 100,000 penduduk, berbanding dengan 12.2 pada 2015. Namun kadar notifikasi kematian Hepatitis B telah meningkat dari 0.13 bagi setiap 100,000 penduduk pada 2015 kepada 0.16 pada tahun 2021. Bagi Hepatitis C pula, kadar notifikasi kes baru dan kematian telah meningkat daripada 6.9 dan 0.19 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2015 kepada 8.59 dan 0.27 pada tahun 2021.

Peningkatan kes baru Hepatitis C adalah susulan meningkatnya kesedaran orang ramai untuk menjalani ujian saringan terutamanya dalam kalangan individu berisiko. Peningkatan juga berlaku berikutan pelaksanaan saringan bersasar di fasiliti kesihatan, institusi penjara dan Agensi Antidadah Kebangsaan serta kempen-kempen kesihatan yang dijalankan. Kebolehcapaian ubat DAA (*direct-acting antiviral*) yang mempunyai keberkesanan yang tinggi dan pada harga yang berpatutan juga telah meningkatkan kadar saringan dan rawatan Hepatitis C.

Malaysia akan terus memantapkan program saringan dan rawatan Hepatitis C di seluruh negara dengan mempertingkatkan penggunaan *rapid diagnostic kit* yang lebih mudah, murah dan cepat yang mana boleh diperolehi di fasiliti-fasiliti kesihatan. Saringan Hepatitis C oleh pekerja kesihatan komuniti atau petugas NGO di bawah seliaan Majlis AIDS Malaysia (MAM) juga telah dilaksanakan khususnya untuk meningkatkan saringan dalam kalangan populasi utama (*key population*).

Akses kepada rawatan Hepatitis C juga akan diperluaskan iaitu bukan hanya diberikan di hospital tetapi juga di klinik kesihatan sedia ada. Kini terdapat lebih 300 fasiliti kesihatan menyediakan perkhidmatan saringan dan rawatan Hepatitis C sejak tahun 2017 dan dijangka akan diperluaskan lagi dengan melibatkan lebih banyak klinik kesihatan yang mempunyai pakar perubatan keluarga. Pada Jun 2021, Malaysia telah meluluskan penggunaan produk Tablet 200mg ubat Ravidasvir Hydrochloride 200mg (Ravida®), yang digunakan secara kombinasi dengan ubat lain untuk merawat jangkitan virus Hepatitis C kronik (HCV) dalam kalangan orang dewasa. Sejak tahun 2017, dianggarkan lebih 13,000 orang pesakit telah menerima rawatan DAA.

Kajian berterusan akan terus dilakukan bagi memantapkan program ini. KKM dengan kerjasama *Drugs for Neglected Diseases initiative* (DNDi) dan *Foundation for Innovative New Diagnostics* (FIND) sedang menjalankan kajian untuk meninjau keberkesanan rawatan DAA dalam tempoh yang lebih pendek iaitu lapan minggu berbanding 12 minggu. Kajian untuk meneroka kesesuaian saringan Hepatitis C sendiri (*Hepatitis C self-testing*) yang dijalankan oleh KKM dengan kerjasama Majlis AIDS Malaysia kini berada di peringkat akhir.

Hepatitis B pula boleh dicegah melalui imunisasi. Program imunisasi Hepatitis B kepada bayi di bawah Program Imunisasi Kebangsaan yang telah dimulakan semenjak tahun 1989 akan terus diperkukuhkan melalui pemberian vaksin Hepatitis B dalam tempoh 24 jam selepas bayi lahir, kerana ia mempunyai keberkesanan sebanyak 95% dalam mencegah jangkitan virus Hepatitis B dalam tempoh kelahiran (*perinatal*). Dos seterusnya diberikan kepada bayi menggunakan vaksin kombinasi enam serangkai (6 dalam 1) pada umur 2, 3, 5 dan 18 bulan. Vaksin enam

serangkai ini mengandungi komponen difteria, tetanus (kancing gigi), pertusis (batuk kokol), polio, Haemophilus influenzae Type B (Hib) dan Hepatitis B.

Bersempena sambutan Hari Hepatitis Sedunia tahun ini, KKM menasihatkan orang ramai supaya sentiasa mengamalkan hidup yang sihat dan amalan kebersihan diri untuk mengelakkan risiko mendapat jangkitan hepatitis atau risiko untuk menjangkiti orang lain bagi individu yang telah dijangkiti. Orang ramai terutamanya mereka yang berisiko adalah dinasihatkan **TIDAK BOLEH TUNGGU** atau berlengah lagi untuk menjalani ujian saringan. Bagi individu yang disahkan dijangkiti *viral hepatitis*, dapatkan nasihat dan rawatan di mana-mana fasiliti kesihatan dan mengambil tanggungjawab untuk tidak menjangkiti individu lain. Pengesanan dan rawatan awal dapat mengelakkan komplikasi jangkitan seperti penyakit hati yang teruk dan kanser hati, dan seterusnya kematian. Untuk Hepatitis C pula, rawatan khusus kini boleh diberikan untuk menyembuhkan jangkitan.

KKM ingin menasihatkan ibubapa agar memastikan bayi mereka diberikan imunisasi Hepatitis B yang lengkap mengikut jadual yang ditetapkan dalam Program Imunisasi Kebangsaan. Sekiranya terdapat anak yang tercicir imunisasi, ibubapa perlu mendapatkan nasihat di klinik kesihatan yang berhampiran untuk penjadualan semula imunisasi. Bagi individu berisiko tinggi terutama anggota kesihatan, mereka disyorkan untuk mendapatkan vaksin Hepatitis B untuk mengelakkan jangkitan melalui risiko pendedahan ketika menjalankan tugas.

Komitmen dan perkongsian pintar pelbagai agensi turut memainkan peranan penting dalam usaha negara menangani *viral hepatitis*. KKM

mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih atas penglibatan pelbagai agensi, kerajaan dan badan bukan kerajaan, sektor awam atau sektor swasta, korporat atau bukan korporat dalam bersama-sama menggembeleng usaha menangani *viral hepatitis* dan berharap komitmen dan kerjasama ini akan terus dipertingkatkan dalam usaha negara mencapai eliminasi *viral hepatitis* menjelang 2030.

Maklumat lanjut mengenai *viral hepatitis* dan vaksin hepatitis boleh diperolehi daripada laman sesawang MyHealth dan Infosisat. Khidmat nasihat berkaitan *viral hepatitis* juga boleh didapati daripada anggota kesihatan di fasiliti kesihatan.

**Selamat Hari Hepatitis Sedunia 2022
Bersama Hapuskan Penyakit Hepatitis**

Sekian, terima kasih.

KHAIRY JAMALUDIN
Menteri Kesihatan Malaysia

28 Julai 2022